

## Frequently Asked Questions (FAQs) on the Revised Reference Rate Framework

### *Soalan Lazim tentang Rangka Kerja Kadar Rujukan yang Dikemas Kini*

---

#### **1. What is Standardised Base Rate (SBR)?**

SBR is a reference rate that all banks will apply effective 1 August 2022 in the pricing of new retail floating-rate financings, refinancing of existing retail financings, and renewal of revolving retail financings. Retail financings refer to financings to individuals (not SMEs or businesses), while 'floating-rate financings' refer to financings where the interest/profit rate can change during the lifetime of the financing. The SBR is linked solely to the Overnight Policy Rate (OPR), as determined by the Monetary Policy Committee (MPC) of Bank Negara Malaysia.

#### ***Apakah Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR)?***

*SBR ialah kadar rujukan yang akan digunakan oleh semua bank mulai 1 Ogos 2022 untuk menentukan kadar harga untuk pembiayaan runcit baharu, pembiayaan semula (refinancing) pembiayaan runcit sedia ada, dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan. Pembiayaan runcit merujuk pembiayaan kepada individu (bukan PKS atau perniagaan), manakala 'pembiayaan berkadar terapung' merujuk pembiayaan yang kadar faedah/keuntungannya boleh berubah sepanjang tempoh pembiayaan tersebut. SBR dihubungkan hanya kepada Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia.*

#### **2. Why is the SBR introduced?**

SBR will be the same across all banks, unlike Base Rate (BR) which is different for each bank. With BR, future changes to BR can be driven by factors that vary across banks. SBR makes it simple and easy for you to understand and compare financings across banks. This will assist you in making a more informed decision as you consider and decide on which bank to take a new floating-rate financing from.

#### ***Mengapakah SBR diperkenalkan?***

*SBR akan diseragamkan merentas semua bank, tidak seperti Kadar Asas (Base Rate, BR) yang berbeza-beza bagi setiap bank. Dengan BR, perubahan BR pada masa hadapan boleh didorong oleh faktor-faktor yang berbeza antara bank-bank. SBR meringkaskan dan memudahkan anda untuk memahami serta membuat perbandingan pembiayaan antara bank-bank. Oleh itu, anda dapat membuat keputusan yang lebih berasaskan maklumat dalam memilih bank yang sesuai untuk mengambil pembiayaan berkadar terapung yang baharu.*

#### **3. How does an OPR change affect the SBR?**

When OPR is revised, banks will adjust the SBR by the same amount as the change in the OPR. This applies to both upward and downward adjustments in the OPR.

#### ***Bagaimanakah perubahan OPR mempengaruhi SBR?***

*Apabila OPR diubah, bank-bank akan menyelaraskan SBR mengikut jumlah yang sama seperti perubahan pada OPR. Penyelarasan ini terpakai kepada peningkatan dan penurunan OPR.*

**4. If the SBR can change, and it affects the interest/profit rate on a financing, what about the spread above SBR? Are banks allowed to change the spread during the financing tenure?**

Banks are not allowed to increase the spread above the SBR during the financing tenure, unless there is a change in your credit risk profile (for example if you fail to pay your financing payments).

***Jika SBR boleh berubah, dan perubahan itu mempengaruhi kadar faedah/keuntungan pembiayaan, bagaimanakah pula dengan spread yang melebihi SBR? Adakah bank-bank dibenarkan untuk mengubah spread semasa tempoh pembiayaan?***

*Bank-bank tidak dibenarkan untuk menaikkan spread melebihi SBR semasa tempoh pembiayaan, kecuali terdapat perubahan kepada profil risiko kredit anda (sebagai contoh, jika anda gagal untuk membayar pembiayaan anda).*

**5. Why is the spread above the SBR larger than the spread above the BR?  
Am I being charged more given the larger spread above SBR?**

- You are not being charged more just because the spread is larger. This can be seen from the “effective financing rate (EFR)”, which is the interest/profit rate charged to the financing. If the ELF is the same, you are not charged more.
- Since SBR is linked solely to OPR for all banks, individual banks will consider their specific business or funding costs in the spread instead, which are different across banks.
- After you have entered a financing contract, banks are not allowed to increase the spread during the tenure of the financing, except when a customer’s credit risk profile changes. In comparison, under the BR-regime a bank may change its BR because of changes in its funding costs, and this is less transparent to customers.

***Mengapakah spread yang melebihi SBR adalah lebih besar berbanding dengan spread yang melebihi BR? Adakah saya dikenakan caj yang lebih tinggi memandangkan spread yang melebihi SBR adalah lebih besar?***

- *Anda tidak dikenakan caj yang tinggi semata-mata kerana spread yang lebih besar. Hal ini boleh diperhatikan melalui “kadar pembiayaan efektif (EFR)”, iaitu kadar faedah/keuntungan yang dikenakan ke atas pembiayaan. Jika EFR adalah sama, anda tidak dikenakan caj yang lebih tinggi.*
- *Memandangkan SBR dihubungkan hanya kepada OPR bagi semua bank, setiap bank akan menetapkan spread dengan mengambil kira kos perniagaan atau pendanaan khusus mereka, yang berbeza antara bank-bank.*
- *Selepas anda menandatangani kontrak pembiayaan, bank tidak dibenarkan menaikkan spread sepanjang tempoh pembiayaan, kecuali apabila profil risiko kredit pelanggan berubah. Sebagai perbandingan, di bawah rejim BR, sesebuah bank boleh mengubah BR mereka disebabkan oleh perubahan dalam kos pendanaan bank tersebut, dan perubahan ini kurang telus kepada pelanggan.*

**6. What will happen to financings priced against BR and BLR/BFR from 1 August 2022?**

- BR- and BLR/BFR-based financings taken prior to 1 August 2022 will continue to be priced against BR and BLR/BFR respectively until the financing is fully paid.
- BR and BLR/BFR will move exactly in tandem with OPR starting from 1 August 2022, which is the same as the SBR.

**Apakah yang akan berlaku kepada pembiayaan yang berasaskan BR dan BLR/BFR mulai 1 Ogos 2022?**

- Untuk pembiayaan berasaskan BR dan BLR/BFR yang diambil sebelum 1 Ogos 2022, kadar pembiayaannya akan terus didasarkan pada BR dan BLR/BFR sehingga pembiayaan dibayar sepenuhnya.
- BR dan BLR/BFR, sama seperti SBR, akan bergerak betul-betul selari dengan OPR mulai 1 Ogos 2022.

**7. Would a change in the SBR impact BR and BLR/BFR-based financings?**

Yes. Both BR and BLR/BFR will move in tandem with SBR. This means that for any change in SBR, following a change in the OPR, banks will adjust BR and BLR/BFR by the same amount of change in the SBR.

**Adakah perubahan dalam SBR akan mempengaruhi pembiayaan berasaskan BR dan BLR/BFR?**

Ya. BR dan BLR/BFR akan bergerak betul-betul selari dengan SBR. Maknanya, bagi sebarang perubahan pada SBR, susulan perubahan pada OPR, bank-bank akan menyelaraskan BR dan BLR/BFR mengikut jumlah yang sama dengan perubahan SBR.

**8. How long does it take for banks to adjust SBR, BR and BLR/BFR after a change in OPR?**

Bank Negara Malaysia requires banks to adjust SBR, BR and BLR/BFR by the same amount as the OPR within 7 working days from the date of the OPR change.

**Berapa lamakah masa yang diambil oleh bank-bank untuk melaraskan SBR, BR dan BLR/BFR selepas berlaku perubahan kepada OPR?**

Bank Negara Malaysia menghendaki bank-bank menyelaraskan SBR, BR dan BLR/BFR mengikut jumlah yang sama seperti OPR dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh perubahan OPR.

**9. Would my financing instalment be affected when there is a change in SBR, BR and BLR/BFR?**

- Yes. When SBR, BR and BLR/BFR are reduced, banks will reduce your instalment amount. Similarly, if they are increased, banks will revise your instalment amount.
- If the change in your instalment amount is less than RM10 per month, some banks may keep your instalment amount unchanged, and then adjust the financing tenure or final payment amount accordingly. You will be informed in such cases and receive the details on how this might affect your financing tenure or overall financing costs where relevant.

**Adakah ansuran pembiayaan saya akan dipengaruhi oleh perubahan kepada SBR, BR dan BLR/BFR?**

- Ya. Apabila SBR, BR dan BLR/BFR diturunkan, bank-bank akan mengurangkan jumlah ansuran anda. Begitu juga, jika kadar-kadar tersebut dinaikkan, bank-bank akan meningkatkan jumlah ansuran anda.
- Jika perubahan kepada jumlah ansuran anda kurang daripada RM10 sebulan, sesetengah bank mungkin tidak akan mengubah jumlah ansuran anda, dan kemudian membuat pelarasan pada tempoh pembiayaan anda atau jumlah bayaran yang terakhir. Anda akan dimaklumkan dalam kes-kes seperti ini dan diberikan penjelasan bagaimana hal ini boleh mempengaruhi tempoh atau kos pembiayaan anda secara keseluruhan mengikut mana-mana yang berkaitan.

**10. When my financing instalment amount is revised, will the bank inform me?**

Bank Negara Malaysia requires banks to inform customers on any revision to their financing instalment amount at least 7 calendar days before the new instalment amount is due for payment. Banks may communicate to customers via mail or electronic means (e.g., SMS, emails).

***Adakah saya akan diberitahu oleh bank apabila jumlah ansuran pembiayaan saya diubah?***

*Bank Negara Malaysia menghendaki bank-bank memaklumkan kepada pelanggan tentang sebarang perubahan terhadap jumlah ansuran pembiayaan mereka sekurang-kurangnya 7 hari kalendar sebelum jumlah ansuran baharu perlu dibayar. Bank-bank boleh menyampaikan makluman ini kepada pelanggan melalui surat atau kaedah elektronik (cth. SMS, e-mel).*

**11. What happens if a customer cannot meet the higher instalment amount when SBR, BR or BLR/BFR is increased?**

A customer who is facing financial difficulty in paying the new, higher instalment amount can request to maintain the original instalment amount. The financing account may be classified as 'rescheduled and restructured'. The bank will inform the customer on such classification and its implications, including:

- increase in the total cost of financing
- extension / addition to the financing tenure
- when to pay the additional interest/profit amount, if any.

***Apakah akan berlaku jika pelanggan tidak mampu membayar jumlah ansuran yang lebih tinggi apabila SBR, BR atau BLR/BFR dinaikkan?***

*Seseorang pelanggan yang menghadapi kesukaran kewangan untuk membayar jumlah ansuran baharu yang lebih tinggi boleh memohon untuk mengekalkan jumlah ansuran yang asal. Akaun pembiayaan tersebut mungkin dikategorikan sebagai 'dijadualkan semula dan distrukturkan semula'. Bank akan memaklumkan kepada pelanggan tentang kategori tersebut dan implikasinya, termasuk:*

- *peningkatan jumlah kos pembiayaan*
- *pelanjutan / tambahan pada tempoh pembiayaan*
- *masa yang ditetapkan untuk membayar jumlah faedah/keuntungan tambahan, jika ada.*

**12. Is there any difference if a new financing is applied before or after 1 August 2022?**

- Financing taken before 1 August 2022 will still be priced against the BR (i.e., BR + spread), while financing taken from 1 August 2022 will be priced against the SBR (i.e., SBR + spread).
- Whether a financing is priced against BR or SBR, the interest/profit rate on a financing (or 'effective financing rate') will continue to be competitively determined and influenced by multiple factors, including a customer's risk profile and banks' business strategy.
- Whichever the case, both BR and SBR will move in tandem with the OPR from 1 August 2022.

***Adakah terdapat apa-apa perbezaan jika ada pembiayaan baharu sebelum atau selepas 1 Ogos 2022?***

- *Kadar pembiayaan yang diambil sebelum 1 Ogos 2022 masih akan berdasarkan BR (iaitu BR + spread), manakala kadar pembiayaan yang diambil mulai 1 Ogos 2022 akan berdasarkan SBR (iaitu SBR + spread).*
- *Sama ada pembiayaan tersebut berdasarkan BR atau SBR, kadar faedah/keuntungan ke atas pembiayaan (atau 'kadar pembiayaan efektif') akan terus ditentukan secara kompetitif dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk profil risiko pelanggan dan strategi perniagaan bank-bank.*

- *Tidak kira mana-mana kes, BR dan SBR akan bergerak betul-betul selari dengan OPR mulai 1 Ogos 2022.*

**13. Where can I view SBR, BR and BLR/BFR?**

You can find information on SBR, BR and BLR/BFR at our branches and websites. For new customers, SBR and interest/profit rate on a financing (or 'effective financing rate') will be stated in the product disclosure sheet of the financing.

***Di manakah saya boleh melihat paparan SBR, BR dan BLR/BFR?***

*Anda boleh mencari maklumat tentang SBR, BR dan BLR/BFR di cawangan dan dalam laman sesawang kami. Bagi pelanggan baharu, SBR dan kadar faedah/keuntungan atas pembiayaan*

*(atau 'kadar pembiayaan efektif') akan dinyatakan dalam lembaran pendedahan produk pembiayaan tersebut.*

**14. Where can customers make inquiries relating to Reference Rate Framework or lodge a complaint regarding the bank's practices?**

Customers who have any queries or complaints can contact the following avenues:

- Approach our branch staff
- Call Business Banking Customer Service Centre at Tel: 03-8317 5200
- BNMLINK at <https://telelink.bnm.gov.my/> or 1-300-88-5465.

***Di manakah pelanggan boleh mengajukan pertanyaan mengenai Rangka Kerja Kadar Rujukan atau membuat aduan tentang amalan bank?***

*Pelanggan yang mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan boleh menghubungi saluran berikut:*

- Dekati staf cawangan kami*
- Telefon pusat panggilan Business Banking Customer Service di Tel: 03-8317 5200*
- BNMLINK melalui <https://telelink.bnm.gov.my/> atau 1-300-88-5465.*